



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,  
Jalan Tan Sri Hj Harussani,  
30100 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402  
Faks: 05-5018540  
Emel: khsperek@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 (34)  
Tarikh: 7 Syaaban 1444H  
28 Februari 2023M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah  
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan**  
**Ketua Hakim Syarie Negeri Perak**  
**No. 9 Tahun 2023**

**Pelanjutan Tempoh Sahlaku Perintah Kebenaran Berpoligami /  
Perintah Kebenaran Perkahwinan Diakadnikahkan oleh Wali Hakim**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 12 Januari 2023 dan 28 Februari 2023 serta berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan Arahan Amalan berhubung dengan pelanjutan tempoh sahlaku perintah kebenaran berpoligami di bawah seksyen 23 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 / perintah kebenaran perkahwinan diakadnikahkan oleh wali hakim di bawah seksyen 13(b) dan seksyen

18(c) Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 kepada 180 hari (enam bulan) dari tarikh perintah dikeluarkan.

Permohonan lanjut tempoh sahlaku perintah kebenaran hendaklah dibuat melalui permohonan secara sebelah pihak dan disokong oleh affidavit di Mahkamah yang mengeluarkan perintah kebenaran. Selepas tamat tempoh tersebut, tiada permohonan lanjutan akan dipertimbangkan dan pemohon perlu memfailkan permohonan baru.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **28 Februari 2023.**



**(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)**

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

**PERAK DARUL RIDZUAN**

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak